

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 18.5.2016

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan masalah infrastruktur dan kemudahan yang usang di lebih 400 sekolah di seluruh Sabah yang dibangkitkan oleh Pengarah Pendidikan Sabah pada 25 Februari 2016, setakat ini berapa telah dibaiki dan diberi peruntukan untuk naik taraf kemudahan sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 416 buah sekolah daif yang dikenal pasti di negeri Sabah sehingga Februari 2016, sebanyak 26 buah sekolah telah dibaiki dengan menjalankan kerja-kerja pembaikan blok bangunan yang kritikal. Fokus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) adalah untuk mengurangkan jumlah sekolah daif dengan mengemukakan permohonan projek gantian penuh bangunan daif kayu yang kritikal. Sehubungan itu, sebanyak 23 projek gantian penuh telah mendapat kelulusan dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) 2016-2017. Antara sekolah daif yang mendapat kelulusan adalah SK Nampasan, Ranau dan SK Kebagu, Kota Kinabalu.

SOALAN (104)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 18 MEI 2016
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar kos pelupusan sampah yang diswastakan adalah lebih tinggi, tetapi tidak begitu baik perkhidmatannya. Adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dan kembalikan perkhidmatan ini kepada Majlis Daerah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada umumnya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berpandangan melalui penswastan yang dilaksanakan, **kualiti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah meningkat** sejak penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] pada 1 September 2011 bagi tujuh (7) buah negeri (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kedah dan Perlis) yang mana negeri-negeri tersebut telah mengalami transformasi dalam aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Ini disokong oleh pencapaian penurunan aduan awam yang mana purata bulanan aduan telah menunjukkan penurunan pada setiap tahun seperti berikut:

BIL	TAHUN	ADUAN SEBULAN
i	2011	2,182
ii	2012	1,764
iii	2013	1,175
iv	2014	644
v	2015	281
vi	2016	212
JUMLAH		6,258

Secara keseluruhannya, aduan awam bagi negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 telah mencatatkan penurunan aduan sebanyak 90% pada tahun 2016 berbanding tahun 2011. Berdasarkan kepada maklumat tersebut, ia menunjukkan bahawa tahap kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang disalurkan telah meningkat dari semasa ke semasa seterusnya menyumbang kepada tahap kepuasan masyarakat.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian menyedari terdapat peningkatan kos bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos ini adalah seperti berikut:

- (i) Peningkatan kepada tahap perkhidmatan yang mana frekuensi pembersihan longkang telah diseragamkan kepada satu (1) kali dalam sebulan di semua kawasan yang terlibat berbanding sebelum ini pembersihan longkang di kebanyakan tempat hanya dibuat sekiranya perlu;

- (ii) Peningkatan standard perkhidmatan pengangkutan sisa pepejal dengan kaedah yang lebih berkesan seperti:
 - (a) Kompaktor yang dilengkapi dengan *Bin Lifter*;
 - (b) *Ultra Whack Vacuum Cleaner* untuk pembersihan longkang tertutup;
 - (c) *Road Sweeper* untuk pembersihan jalan; dan
 - (d) *Beach Comber* untuk pembersihan pantai.

- (iii) Penyediaan kemudahan untuk mengutip barangan kitar semula, sisa pukal dan sisa kebun; dan

- (iv) Pengagihan tong di setiap premis bertanah.

Namun demikian, kajian semula akan dilaksanakan pada tahun 2018 bagi menilai semula keberkesanan operasi dan juga kadar harga bagi memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan memberi pulangan yang sewajarnya dan dioptimumkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016